

BAB KELIMA

RUMUSAN DAN SARANAN

5.1 Rumusan

Islam merupakan satu ajaran agama yang lengkap dan sempurna yang menyusun peraturan hidup manusia agar bahagia di dunia dan akhirat. Dalam soal membentuk sebuah keluarga, Islam menggalakkan umatnya berlandaskan kepada hukum-hukum, syarat-syarat, rukun-rukun dan semua prosedur yang telah ditetapkan. Ia bertujuan untuk merealisikan kebahagiaan kerukunan rumahtangga dan mengelak daripada berlaku perceraian.

Terdapat dua institusi di Narathiwat, Thailand yang bertanggungjawab secara langsung mengatur dan mengawasi hal ehwal umat Islam agar mereka sentiasa berada di atas landasan hukum sebenar terutamanya dalam soal pembentukan keluarga iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat (M.A.I.N) dan Mahkamah Syari'ah Wilayah Narathiwat.

Kedudukan kedua institusi ini di negara Thailand adalah berbeza dengan negara Islam yang lain seperti Malaysia yang berada di bawah satu pimpinan yang mempunyai ikatan yang rapat di antara satu sama lain. Manakala di Thailand, kedua-dua institusi ini merupakan dua badan yang berasingan yang berada di bawah dua pimpinan. Walaupun keduanya mempunyai peranan dan tugas yang hampir sama dalam mengawasi umat Islam dalam hal kekeluargaan dan pembahagian harta pusaka.

Majlis Agama Islam merupakan badan sosial agama yang ditubuhkan oleh umat Islam di satu wilayah yang mempunyai majoriti umat Islam. Ia bertujuan untuk mengawal umat Islam di wilayah tersebut agar melaksanakan hukum Islam terutama dalam soal kekeluargaan Islam (*Aḥwāl Syākhsiah*) iaitu perkahwinan dan pusaka. Selain itu, ia bertujuan untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri melalui hukum Islam (dalam hal kekeluargaan Islam) tanpa tunduk kepada undang-undang kekeluargaan yang bukan Islam. Penubuhan Majlis Agama Islam adalah di bawah kawalan Kementerian Dalam Negeri dan menteri pelajaran serta mereka diberi mandat untuk mengeluarkan prosedur perkahwinan dan perceraian. Majlis Agama Islam diizinkan mengeluarkan kenyataan (*document*) yang berhubungan dengan soal perkahwinan dan perceraian dan ia dijadikan kenyataan di Mahkamah sivil.

Manakala kedudukan Mahkamah Syari'ah (wilayah) pula adalah sebuah badan kehakiman yang berada di bawah Mahkamah Sivil Kerajaan Thai yang menjadi sumber rujukan umat Islam di empat wilayah selatan Thailand. Mereka diberi peluang untuk menyelesaikan kes-kes yang berkaitan undang-undang kekeluargaan Islam yang digunakan oleh Mahkamah Syari'ah di bawah naungan Mahkamah Sivil Wilayah melalui Hakim Thai dan dua orang *Qadi* Islam yang dilantik oleh Kerajaan Thai.

Secara umumnya, umat Islam di wilayah Narathiwat mematuhi semua peraturan atau prosedur yang digariskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat. Kebanyakan umat Islam di wilayah ini suka menyelesaikan kes-kes yang berkaitan dengan keluarga dan pusaka melalui imam-imam qariah. Jika tidak

dapat diselesaikan di kampung, mereka akan membawa kes-kes tersebut ke Majlis Agama Islam Wilayah. Hanya sebahagian kecil daripada kes-kes yang tidak dapat diselesaikan di Majlis Agama Islam Wilayah, barulah mereka membawa kes-kes tersebut ke Mahkamah Wilayah.

Perlaksanaan prosuder-prosuder perkahwinan dan perceraian di Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat (M.A.I.N), dapat dirumuskan bahawa prosedur perkahwinan dan perceraian yang dilaksanakan di M.A.I.N masih lagi dalam proses penyusunan, sepetimana undang-undang kekeluargaan Islam yang dipakai di Mahkamah Sivil (Mahkamah Syariah) di Wilayah. Memandangkan terdapat sebahagian prosedur itu belum bertulis dan didokumentasikan dalam buku prosedur Perkahwinan dan Perceraian di M.A.I.N. Prosedur-prosedur perkahwinan dan perceraian yang dilaksanakan sekarang tidak tetap dan sentiasa berlaku perubahan. Lantaran berlaku penukaran ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam dan Badan Munakahat pada setiap enam tahun.

M.A.I.N. tidak diberi hak untuk menguatkuasakan prosedur-prosedur yang telah digariskan. Ia juga tidak ada hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang tidak mematuhi prosedur-prosedur itu. M.A.I.N hanya boleh bertindak dengan tidak memberi surat keterangan nikah dan cerai kepada pasangan yang tidak patuh kepada peraturan sahaja. Namun demikian, pihak yang tidak berkahwin dengan mengikut peraturan, mereka boleh mendaftar perkahwinan mereka di pejabat kerajaan yang dikira sah dari sudut undang-undang negeri Thai.

Dalam melaksanakan perosedur-perosedur yang digariskan oleh M.A.I.N. Tidak berlaku keseragaman. Hal ini berlaku disebabkan Prosedur-prosedur yang tidak lengkap dan terperinci, terutamanya dalam soal syarat pengantin, saksi, syarat wali yang tidak disebut dalam prosedur perkahwinan.

Di antara faktor lain, para imam atau pendaftar perkahwinan di kampung tidak diberi kursus dan seminar mengenai prosedur-prosedur dan cara perlaksanaan bagi setiap peraturan yang digariskan oleh M.A.I.N. lagi pula Penyerahan kuasa mutlak kepada imam qariah dalam menentukan syarat-syarat dalam prosedur perkahwinan. Sebagai contoh perbezaan pelaksanaan syarat pengantin dan wali antara qariah, kerana perbezaan pengetahuan seseorang imam dengan imam yang lain.

Bagi Prosedur perkahwinan yang berkaitan dengan warga negara asing yang dilaksanakan di M.A.I.N sekarang masih lagi longgar jika dibandingkan prosedur yang terdapat di negara asal mereka, terutamanya prosedur yang berkaitan dengan pasangan yang tidak mempunyai wali, kahwin lari dan poligami. seperti Negar Malaysia yang mengawasinya secara ketat terhadap perlaksanaan prosedur nikah cerai. Pihak M.A.I.N akan melangsungkan perkahwinan semua pasangan warga negara asing yang kahwin lari dan poligami. Ia dipandang sah apabila sempurna syarat dan rukun perkahwinan tanpa mengambil kira syarat-syarat kekeluargaan Islam di negeri asal mereka.

Segala surat kenyataan yang dikeluarkan oleh M.A.I.N sama ada surat keterangan nikah atau cerai adalah diterima sebagai kenyataan yang sah oleh

sesetengah badan Kerajaan Thai seperti Mahkamah Syari'ah Wilayah, urusan visa haji atau umrah dan semua Majlis Agama Islam di sesetengah negara Islam seperti Malaysia berdasarkan persetujuan yang diadakan antara kedua belah pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian urusan di negara Thai masih tidak menerima sebagai kenyataan yang sah kecuali pasangan yang mendaftar nikah dan mempunyai sijil perkahwinan dari Kerajaan Thai.

5.2 CADANGAN / SARANAN

Hasil daripada kajian tersebut, didapati bahawa perkara yang perlu dikemaskini dan diubahsuai demi meningkatkan lagi kedudukan M.A.I.N terutama dalam hal yang berkaitan dengan perlaksanaan prosedur perkahwinan dan penceraian adalah seperti berikut :

1. Mencadangkan supaya ahli jawatankuasa M.A.I.N yang ada sekarang membuat permohonan kepada kerajaan Thailand untuk menjadikan majlis tersebut sebagai badan berkanun yang mempunyai kuasa penuh. Ia bertujuan agar membolehkan pihak M.A.I.N mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang tidak mematuhi prosedur-prosedur yang telah ditetapkan atau mengambil tindakan undang-undang kepada mereka yang enggan berkahwin menurut proseder M.A.I.N.
2. Prosedur yang dilaksanakan hendaklah jelas, teratur dan tersusun serta merangkumi syarat pelaksanaan secara terperinci mengikut

buku prosedur seperti mana undang-undang kekeluargaan Islam yang digunakan di mahkamah syari'ah yang boleh menjadi bahan rujukan yang mudah difahami oleh semua umat Islam.

3. Para pegawai nikah dan imam di seluruh wilayah Narathiwat hendaklah mengetahui semua prosedur yang ditetapkan oleh M.A.I.N. Oleh itu majlis ini hendaklah mengambil inisiatif dengan mengadakan kursus yang berkesan kepada semua imam yang dilantik untuk menyeragamkan perlaksanaan prosedur yang telah ditetapkan.
4. Pihak M.A.I.N perlu memperketatkan lagi syarat-syarat kepada bakal pengantin seperti kepentingan ilmu pengetahuan rumah tangga. Tujuannya ialah untuk memberi kefahaman tentang peranan untuk menjadi suami dan isteri yang bertanggungjawab. Mereka juga perlu mengetahui hikmat perkahwinan dan langkah-langkah untuk membendung perceraian. Atau sekurang-kurangnya pihak suami mesti memahami isi kandungan lafaz *ta'līq*. Oleh itu, pihak M.A.I.N perlu mengada dan mewajibkan kursus perkahwinan kepada pasangan yang berhasrat untuk berkahwin.
5. Berhubung dengan prosedur perkahwinan warga negara asing, M.A.I.N haruslah menetapkan syarat-syarat pengantin mengikut negeri asal mereka. Sepertimana Malaysia seperti memastikan

syarat kursus perkahwinan bagi setiap pasangan dan memperketatkan proseder yang berhubung dengan poligami. Umpamanya dari segi kemampuan dan latar belakang pihak suami yang ingin berpoligami.

Justeru, untuk menjaga supaya semua keterangan yang dikeluarkan oleh M.A.I.N. lebih dipercayai oleh semua badan kerajaan dalam dan luar negara, satu rundingan dan penetapan perlu dibuat di antara majlis agama dalam setiap wilayah dengan badan kerajaan seperti pejabat pendaftaran perkahwinan kerajaan agar tidak mendaftar perkahwinan mana-mana pasangan yang tidak mempunyai surat keterangan nikah dari M.A.I.N.